

Legalah dada rakyat Pahang, kerana khabarnya.....

"Mahathir pengerusi sidang Perhubungan Pahang 29 Ogos," kata sebuah kepala muka hadapan di Utusan Melayu Ogos 27, 1981. Berita berikutan yang berpunca dari Kuantan berkata, Datuk Seri Dr. Mahathir diadual memengerusikan Mesyuarat Badan Perhubungan UMNO negeri Pahang di Kuala Lumpur pada pagi Sabtu, Ogos 29.

Menurut pucun-punca politik Pahang yang boleh dipercayai, kesemua Jawatankuasa Badan Perhubungan UMNO Pahang tidak akan menimbulkan isu yang boleh mengengahkan suasana politik negeri.

"Oleh itu, sebarang usul undi tidak percaya

terhadap sesiapa termasuk Menteri Besar, Haji Abdul Rahim Abu Bakar selaku Timbalan Pengerusi UMNO Pahang juga tidak akan berbangkit dalam mesyuarat itu," kata pucun-punca tersebut.

Apa yang diketahui kata para pemerhati itu lagi, semua pihak ketika ini sedang berusaha mengemaskini organisasi UMNO Perhubungan dan bahagian-bahagian kerana mereka sebenarnya telah melangkah ke satu zaman baru dan bersedia pula menghadapi pilihanraya yang belum diketahui bila-bila masa sahaja akan tiba.

"Adalah tidak wajar sekali api

kekicuhan yang hampir padam sekarang dinyalakan semula, kerana ini tidak mendorong kedudukan politik Pahang yang sedang menghadapi cabaran lebih besar dari parti-parti lawan," tambah pucun-punca itu lagi.

Kalangan pemerhati dan pucun-punca yang layak dipercayai itu merasakan tidak mungkin berlaku satu "permintaan luar biasa" dikemukakan oleh mana-mana pihak untuk menyingkirkan Haji Abdul Rahim dari jawatan Timbalan Pengerusi hanya alasan mereka yang terlibat terus dapat bertanding

dalam pilihanraya akan datang. (Mini Komen: Jika dan bila, sebagai masalah sematamata, "permintaan luar biasa" seperti ini dikemukakan oleh seseorang tokoh dengan harapan bahawa penyingkiran M.B. Rahim Bakar akan membolehkannya terus dapat bertanding dalam pilihanraya yang akan datang nanti, maka tindakan tokoh berkenaan adalah didorongkan bukan oleh kepentingan negeri, rakyat dan parti tapi semata-mata oleh kepentingan diri sendiri. Dan penulis percaya tokoh yang mengutamakan kedudukan peribadi seperti itu tidak akan mendapat sokongan dan undi dari rak-

yat Pahang yang berfikir rasional!)

* * *

**K o m e n
Penulis:**

Berita ini tentu sekali akan menggambarakan bukan sahaja pucuk pimpinan Parti di Kuala Lumpur malah ke semua rakyat Pahang, sama ada mereka itu bermastautin di Pahang atau di luar Pahang. Kerana jika (seperti didesas-desuskan orang) pemimpin-pemimpin politik di Pahang berkeliklik dan berkomploit-komploit, khabarnya dengan tujuan "menggulingkan" Menteri Besar yang ada sekarang, maka pihak yang akan memperoleh

SAMBUNGAN RENUNGAN

■ DARI MUKA 4

"dividen" maksima dari keadaan ini hanyalah parti-parti lawan dan golongan-golongan tertentu yang tidak berasa senang dengan kejayaan UMNO di Pahang.

Kedua, jika keadaan berkelik-kelik seperti dikisahkan tadi berterusan ke hari Presiden Parti, Datuk Seri Dr. Mahathir, mempengerusikan bagi pertama kali Mesyuarat Badan Perhubungan UMNO Pahang pada Ogos 29 nanti, ia tentu sekali akan mengaibkan pemimpin-pemimpin politik di negeri Pahang — dua darinya adalah Menteri Kanan Persekutuan.

(Nota: Tema Hari Kebangsaan yang ke 24 pada Ogos 31 ialah "Berdisiplin dan Berharmoni". Tan Seri Ghazali Shafie menceritakan melalui radio semalam bahawa item utama pada hari itu ialah pertunjukan yang "dipentaskan" oleh 40 buah pancaragam (Band) yang dianggotai oleh lebih kurang 2,000 orang. Kata Tan Seri Ghazali Shafie lagi, "Kumpulan Band" yang terbesar dalam sejarah tanahair dan dunia itu bukan setakat mengambill bagian dalam perarakan yang sama sahaja, tapi akan memainkan lagu yang sama — "performance yang memerlukan disiplin dan harmoni").

"Mengaibkan" penulis sebutkan tadi, kerana jika 40 buah "band" atau pancaragam (dari seluruh Negara) boleh memainkan lagu yang sama dengan penuh kordinasi dan harmoni, mengapakah pula sebuah jawatankuasa di Pahang yang mengandungi cuma 16 orang ahli (kesemuanya dewasa dan berdisiplin) tidak dapat bertindak secara Berharmoni dengan berpandukan kepada tema Hari Kebangsaan, yakni, "Berdisiplin dan Berharmoni"??

Ekor Ruangan:

Shehu Shagari, yang dipilih menjadi Presiden Nigeria ("American style") pada bulan Ogos 1979 setelah mengalahkan 4 orang calon lain dengan memperoleh 5.7 juta undi dari jumlah 16.8 juta, adalah diakui ramai sebagai pemimpin yang bersih jujur dan berpandangan jauh.

Sedihnya, beliau di hari ini menghadapi beberapa kesulitan, kerana pertama, beliau cuma mewakili jumlah minoriti; dan kedua, kebanyakan Negeri di Nigeria adalah diperintah oleh gabenor-gabenor dari parti lawan. Selain dari itu, mengikut Perlembagaan Nigeria, Presiden tidak berkuasa mengontrol secara langsung gabenor-gabenor. Ini membolehkan setengah-setengah tokoh politik di peringkat Negeri mengguna Perlembagaan untuk "melumpuhkan" Kerajaan Persekutuan: umpamanya, Majlis Perhimpunan (National Assembly) terpaksa menunggu selama 8 bulan sebelum meluluskan Budget pertama Presiden. (Mungkin Presiden tidak menerima gaji selama 8 bulan?).

Senate pula berlengah-lengah bila meluluskan lantikan-lantikan yang dibuat oleh Presiden.

Di setengah-setengah Negeri pula, kontrak-kontrak hanyalah dihadkan bagi golongan tertentu sahaja. Begitulah jua keadaan dengan jawatan-jawatan penting. Ini telah menyebabkan Presiden yang bersih berulang kali memberi amaran kepada tokoh-tokoh politik di peringkat Negeri supaya jangan menjadikan parti politik

sebagai Kumpulan Samseng atau "Geng Mafia".

Dan baru-baru ini Presiden telah memberi amaran keras kepada seorang tokoh dari parti lawan yang mengguna parti untuk kepentingan peribadi. Beginilah bunyi amaran Presiden itu:

"Ingat, di Nigeria pada suatu hari nanti akan terdapat hanya dua parti — "the soldiers and the civilians," yakni, askar dan orang awam. (Dipetik dari Majalah "INVESTORS CHRONICLE & Financial world" 21-27 Ogos, 1981 di muka xli dan xlii di bawah tajuk, "In the end there are only two parties, the soldiers and the civilians").

Catitan Khas:

Berita luar negeri ini dihidangkan dengan tujuan memperluaskan pengetahuan am para pembaca yang dihormati, yang tidak berlanggan dengan majalah "Investors Chronicle." Bersyukurlah kita kerana keadaan seperti yang terdapat di Nigeria itu tidak mungkin berlaku di negara kita, kerana kesemua Negeri di Malaysia ini adalah di bawah "control" pemimpin-pemimpin dari Gabungan Parti yang sama. Dan kesemua mereka itu memenangi kerusi mereka dengan mengguna "tiket" Gabungan Parti yang memerintah.

Oleh itu, mereka itu tentu sekali akan melakukan "political suicide" jikalau sekiranya mereka itu (dengan sebab tertentu) melatah dan cuba "melumpuhkan" Kerajaan Pusat.....
